

MERIAHNYA KEJOHANAN MERENTAS DESA KALI KE-20 SMK TAMAN PERUMAHAN BEDAUN TAHUN 2025



Labuan, 23 Februari 2025 – Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Perumahan Bedaun (SMKTPB) telah menganjurkan Kejohanan Merentas Desa Peringkat Sekolah Kali ke-20. Kejohanan Merentas Desa merupakan salah satu aktiviti tahunan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Perumahan Bedaun (SMKTPB) dan sering mendapat sambutan dan sokongan yang menggalakkan dalam kalangan warga sekolah dan ibu bapa.

Acara ini telah dimulakan seawal jam 7 pagi. Satu taklimat keselamatan telah disampaikan oleh Pn. Rosenani Farera Michael, kepada semua peserta sebelum acara dimulakan. Acara ini telah disertai oleh empat buah rumah sukan iaitu Musytari, Marikh, Zuhul dan juga Neptune. Aktiviti senamrobik telah dijalankan di tapak perhimpunan sekolah dan diketuai oleh En Emmanuel Soidin Jr.



Aktiviti panaskan badan sebelum memulakan acara



Tepat jam 7.10 pagi, acara merentas desa bagi kategori lelaki bawah 18 tahun dimulakan. Jarak larian bagi kategori lelaki bawah 18 tahun ialah 8 km, manakala kategori perempuan bawah 18 tahun, lelaki bawah 15 tahun dan perempuan bawah 15 tahun ialah 6 km. Kejohanan tahun ini berjalan dengan lancar seperti tahun-tahun sebelum ini kerana mendapat bantuan keselamatan daripada anggota polis dan Angkatan Pertahanan Awam. Segala aspek keselamatan turut diperketatkan bagi mengelakkan perkara

tidak diinginkan terjadi. Kejohanan ini telah dirasmikan oleh Pn. Norazita Binti Md Nor @ Shamsuri, Pengetua SMK Taman Perumahan Bedaun.

En. Yee Choon Hian, Penolong Kanan Kokurikulum berkata, “Kejohanan Merentas Desa kali ini sedikit mencabar kerana sesi persekolahan baru bermula dan kekangan waktu bagi persediaan kejohanan namun kerjasama dan komitmen yang tidak berbelah bagi ditunjukkan oleh semua kakitangan sekolah bagi menjayakan kejohanan ini amat saya kagumi” tambahnya lagi, “aktiviti ini penting bagi mencungkil bakat murid SMK Taman Perumahan Bedaun dan mengembalikan kedudukan sekolah dalam senarai 3 teratas di peringkat negeri seperti tahun-tahun sebelum ini.”



Taklimat Keselamatan oleh Guru SMKTPB



Aktiviti panaskan badan sebelum memulakan acara

Juara bagi kategori bawah 18 tahun, kategori lelaki dimenangi oleh Hame Hairy Bin Rosdeyhomehaily mewakili rumah sukan Marikh dengan masa larian 37.24 minit manakala juara bagi kategori perempuan dimenangi oleh Puteri Noorsaidah Binti Mohd Saidin mewakili rumah sukan Zuhail dengan masa larian 48.58 minit. Bagi kategori bawah 15 tahun pula, juara kategori lelaki dimenangi oleh Rackwell Nuel Ede mewakili rumah sukan Zuhail dengan catatan masa larian 29.32 minit, manakala kategori perempuan dimenangi oleh Qisra Binti Nulsad mewakili rumah sukan Zuhail dengan masa larian 44.03 minit. Juara keseluruhan Kejohanan Merentas Desa pada tahun ini telah dimenangi oleh Rumah Neptune, Naib johan Rumah Marikh, tempat ketiga Rumah Zuhail dan diikuti dengan rumah Musytari di tempat keempat.

Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedaun



Penyampaian penghargaan



kepada anggota polis dan Angkatan Pertahanan Awam



Penyampaian hadiah keseluruhan kategori Perempuan Bawah 15 Tahun kepada Rumah Sukan Neptune



Penyampaian hadiah keseluruhan kategori Lelaki Bawah 15 Tahun kepada Rumah Sukan Zuhal



Penyampaian hadiah keseluruhan kategori Lelaki Bawah 18 Tahun dan Perempuan Bawah 18 Tahun kepada Rumah Sukan Marikh



Barisan guru yang menjayakan kejohanan merentas desa




**136 ORANG MURID TINGKATAN
SATU MENDAFTAR DI SMK TAMAN
PERUMAHAN BEDAUN**



Labuan, 15 Februari 2025 – Seramai 136 orang murid tingkatan satu telah ditempatkan di SMK Taman Perumahan Bedaun. Oleh itu, bagi menyambut kemasukan murid tingkatan satu tahun 2025, SMK Taman Perumahan Bedaun telah mengadakan hari pendaftaran tingkatan satu pada 15 Februari 2025 bersamaan dengan hari sabtu yang bertempat di Dataran Bedaun, SMK Taman Perumahan Bedaun.

Di samping itu, hari pendaftaran murid tingkatan satu turut disertai oleh pengetua sekolah iaitu Puan Norazita Md Nor @ Shamsuri yang bersama-sama hadir untuk melihat sendiri suasana sesi pendaftaran ini serta dapat beramah mesra dengan para pelajar dan ibu bapa yang hadir pada hari pendaftaran.

Selain itu, Kaunter pendaftaran kokurikulum bagi Unit Beruniform, Sukan dan Permainan serta Kelab Persatuan juga telah dibuka. Bukan itu sahaja, Koperasi dan Buku Teks juga telah diuruskan oleh Puan Nursuraya Ismail dan Encik Erzadianshah bagi memudahkan pengurusan ibu bapa dan murid bagi sesi awal persekolahan murid tingkatan satu ini.



Berdasarkan data yang telah dikumpul, kehadiran bagi pendaftaran murid tingkatan satu ini amat memberangsangkan kerana seramai seramai 131 orang murid telah hadir dan mendaftar pada hari ini. Manakala, seramai 5 orang murid yang mempunyai kekangan akan mendaftar pada 17 Februari 2025 iaitu bersamaan dengan hari isnin sewaktu sesi persekolahan.

Justeru itu, hari pendaftaran murid tingkatan satu telah berakhir dengan jayanya dengan bantuan semua guru dan

pihak yang terlibat. Seluruh warga SMK Taman Perumahan Bedaun sangat mengalu-alukan kehadiran dan kedatangan murid tingkatan satu ke sekolah ini dan berharap dapat membina satu ikatan yang lebih harmoni sesama murid dan mampu melahirkan murid yang cemerlang.

Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedaun

